

Pembelajaran bahasa Inggeris sekolah rendah guna Walkman

BH 31 MAY 2002

KUALA TERENGGANU, Khamis – Pakej pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris menggunakan peralatan mendengar 'Walkman' akan dimulakan tahun depan bagi murid Tahun Satu hingga Enam.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Aziz Shamsuddin, berkata sebanyak RM105 juta diperlukan untuk melaksanakan pakej itu bagi membolehkan murid sekolah rendah mengetahui asas pertuturan bahasa Inggeris.

Katanya, pelaksanaan pakej yang diputuskan dalam resolusi Seminar Guru Cemerlang Bahasa Inggeris 2002 itu, akan dikemukakan kepada Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad untuk membolehkan persiapan dimulakan secepat mungkin.

"Sejumlah peruntukan diperlukan bagi membekalkan walkman kepada lebih sejuta murid sekolah di seluruh negara," katanya selepas menutup Seminar Guru Cemerlang Bahasa Inggeris di hotel Primula

Park Royal, di sini, hari ini.

Beliau turut menyambut baik usaha Jemaah Nazir Kementerian menganjurkan seminar bahasa Inggeris kepada guru cemerlang kerana prihatin kepada harapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk meningkatkan penguasaan bahasa itu.

Ketua Nazir, Datuk Abdul Rahim Tahir, hadir sama di majlis penutup seminar yang bermula Isnin lalu.

Aziz berkata, murid akan dapat mempelajari matematik dan sains yang diajar dalam bahasa Inggeris apabila mereka mengetahui asas bahasa itu.

Katanya, inisiatif yang dilakukan jemaah nazir itu memberi keyakinan kepada kementerian untuk melakukan tindakan susulan secara lebih berkesan.

Sehubungan itu, beliau berharap semua bahagian di kementerian akan memberi perhatian kepada usaha berkenaan supaya

dapat merealisasikan harapan Perdana Menteri.

Pada majlis itu, Tabung Kecemerlangan Bahasa Inggeris dilancarkan dan hasil kutipan dan sumbangan orang ramai akan digunakan untuk membekal peralatan pembelajaran dan walkman kepada murid.

"Saya sendiri akan menyumbangkan 10 peratus daripada gaji bulan Jun untuk tabung itu dan semua pihak termasuk firma, industri dan syarikat swasta turut menghulurkan bantuan untuk program kecemerlangan bahasa Inggeris," katanya.

Beliau berharap tabung itu dapat mengumpul RM105 juta bagi membolehkan pakej berkenaan dapat dimulakan awal tahun depan.

"Program itu bukan setakat sekolah rendah, malah akan diperluaskan ke semua sekolah menengah. Sebab itu permulaannya memperkukuhkan asas pengetahuan bahasa Inggeris di kalangan murid se-

kolah rendah."

"Jemaah Nazir juga mahu sekurang-kurangnya tiga guru cemerlang bahasa Inggeris dapat disediakan di setiap daerah dan akan ditambah dari semasa ke semasa bergantung kepada keperluan," katanya.

Aziz berkata, guru juga akan didedahkan dengan pengetahuan bahasa Inggeris, termasuk melatih mereka secara mingguan, bulanan, berkala dan berpanjangan.

Beliau berkata, kebanyakan guru sudah mempunyai asas bahasa Inggeris, cuma mereka tidak menggunakannya sebab itu mereka perlu diberikan latihan.

"Ketika ini terdapat hanya 1,589 guru cemerlang bahasa Inggeris di seluruh negara dan ia akan ditambah sebanyak 1,000 lagi tahun ini, manakala nazir daripada 312 akan ditambah menjadi 416 secepat mungkin," katanya.